

TEKS UCAPAN
YANG HORMAT PROFESOR DATO' DR. DAING NASIR IBRAHIM
NAIB CANSOLOR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
SEMPENA
MAJLIS MAKAN TENGAH HARI SEMPENA MESYUARAT MAJLIS
KAUNSELING UNIVERSITI-UNIVERSITI MALAYSIA KALI KE-16
DI DEWAN BANKUET, KOMPLEKS PENTADBIRAN UTAMA, UMP
PADA HARI ISNIN, 18 OGOS 2008 PUKUL 12.00 TENGAH HARI

SALUTASI

Yang Berusaha Saudara Pengacara Majlis;

Yang Berbahagia Profesor Dr. Khairuddin bin Abdul Hamid,
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
merangkap Pengerusi Majlis Kaunseling Universiti-universiti Malaysia;

Yang Berbahagia Profesor Dr. Sabarudin bin Mohd
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa);

Yang Berbahagia Profesor Dr. Rosli bin Mohd. Yunus
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi);

Yang Berbahagia Tuan Haji Mustafa bin Ibrahim,
Pendaftar;

Yang Berbahagia Encik Zainudin bin Othman
Bendahari;

Yang Berbahagia Tuan Haji Ruslan bin Che Pee
Ketua Pustakawan;

Yang Berbahagia Profesor Dr. Abdul Jalil bin Borham,
Dekan Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni;

Para wakil IPTA;

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian;

Assalamualaikum warahmatullah
dan Salam Sejahtera.

KATA PEMBUKA

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dirafakkan ke hadrat Allah Taala, kerana dengan limpah rahmat, izin dan kurnia-Nya, saya telah berpeluang untuk bertemu dengan tuan-tuan dan puan-puan sekalian pada hari ini dalam Majlis Makan Tengah Hari sempena Mesyuarat Majlis Kaunseling Universiti-universiti Malaysia (MAKUMA) Kali Ke-16 pada hari ini.
2. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan selamat datang kepada tuan-tuan dan puan-puan sekalian ke Universiti Malaysia Pahang. Sesungguhnya UMP berbangga dapat menjadi tuan rumah kepada Mesyuarat MAKUMA Kali Ke-16 dan amat berbesar hati menerima tuan-tuan dan puan-puan sebagai tetamu istimewa kami.

MEMBINA JARINGAN STRATEGIK MELALUI PERKONGSIAN

PINTAR

3. Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian;

Sebagai medan perbincangan para pegawai psikologi dan kaunselor daripada semua IPTA, saya percaya MAKUMA telah memainkan peranan yang berkesan terutamanya dalam konteks pembangunan sendiri para pelajar di setiap IPTA. Pembangunan sendiri pelajar merupakan suatu aspek penting yang perlu diberi perhatian oleh kita semua.

4. Pada hari ini, kita bercakap tentang minda kelas pertama, graduan bertaraf dunia, *global players* dan pelbagai lagi istilah serta jargon dalam usaha kita mengangkasa kualiti pelajar-pelajar IPTA. Kita perlu memikirkan bagaimana untuk membentuk para pelajar kita untuk menjadi individu kompeten dan kompetitif dengan nilai-nilai tambah tertentu yang diterap secara terhormat, bukannya dipaksakan. Membina pelajar dan graduan bertaraf dunia amatlah berhubung kait dengan soal

empowerment pelajar-pelajar, kematangan, minda rasional dan pendekatan diplomasi. Justeru apakah suasana atau *environment* yang perlu disediakan untuk pelajar-pelajar kita?

5. Namun begitu, perbahasan dan polemik yang hanya berlegar di sekitar persoalan istilah, jargon dan terminologi tidak akan membawa kita ke mana-mana dan dalam banyak keadaan kita hanya banyak beretorik tanpa sebarang jalan penyelesaian yang mapan. Apa yang diharapkan daripada kelompok intelektual di Universiti ialah pelan tindakan konkrit dan jalan penyelesaian yang praktikal kepada masalah-masalah semasa, sama ada di dalam kampus atau pun masyarakat.

6. Sehubungan dengan itu, MAKUMA perlulah terus berperanan secara proaktif sebagai *think tank* dan *solution provider* terhadap isu-isu yang berkaitan kaunseling, bimbingan, psikologi dan pembangunan sendiri. Banyak kajian yang boleh dibuat dan hasilnya boleh diterbitkan untuk pengetahuan umum. Inilah sumbangan yang boleh diberikan oleh MAKUMA untuk manfaat bersama.

KATA PENUTUP

7. Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian;

Saya sekali lagi mengucapkan terima kasih di atas kunjungan delegasi MAKUMA daripada semua IPTA ke Kampus Universiti Malaysia Pahang sempena Mesyuarat MAKUMA Kali Ke-16. Jutaan kemaafan dipohon sekiranya terdapat kekurangan dan kecacatan dalam layanan kami terhadap tuan-tuan dan puan-puan sepanjang pelaksanaan program ini. Saya menjemput tuan-tuan dan puan-puan untuk berkunjung lagi ke Universiti ini pada masa hadapan dan Insha-Allah, melalui jaringan kerjasama yang dibina ini, banyak perkara yang boleh dikongsi dan dibincangkan untuk kepentingan dan manfaat bersama.

Sekian,

wabillahi taufiq wal hidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.